

**[KHILAF QIRAAT MUTAWATIRAH: AN ANALYSIS OF MENSTRUAL VERSE IN TERMS OF ROLES, RELEVANCE AND RELATIONSHIP TO FIQH LAW ]**

**KHILAF QIRAAT MUTAWATIRAH: SATU ANALISA PADA AYAT HAID DARI ASPEK PERANAN, PERKAITAN DAN PERTALIAN PADA HUKUM FIQH**

MOHD A'TARAHIM MOHD RAZALI <sup>1\*</sup>  
 MOHD YAKUB @ ZULKIFLI MOHD YUSOFF <sup>2</sup>  
 NOR HAFIZI YUSOF <sup>3</sup>  
 SITI FATIMAH SALLEH <sup>4</sup>  
 MOHD FAIZ HAKIMI MAT DERIS <sup>5</sup>  
 NORMADIAH DAUD <sup>6</sup>  
 ABDILLAH HISHAM ABD WAHAB <sup>7</sup>  
 DAUD ISMAIL <sup>8</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

\*Corresponding author: [atarahim@unisza.edu.my](mailto:atarahim@unisza.edu.my)

Received Date: 7 November 2016 • Accepted Date: 28 January 2017

**Abstract**

*The aim of this study is to explore the importance of Qira'at Mutawatirah as a discipline particularly in the field of fiqh (jurisprudence). As a field of study, Qiraat (Quranic reading) plays a significant role in Islamic Fiqh by way of shaping the opinions and views of the fuqaha' (jurists). Nevertheless, some fuqaha' are less familiar with Qiraat as a study which has thus led to some confusion and ambiguity on the matter. It was even suggested that the differences of fiqh found within the madzhab (sects) are based on the fuqaha's own Qiraat. Thus this paper is a discussion on the differences of wajah Qiraat within the farsh letters as found among the Qiraat scholars. This paper also analyses the relationship and influence of the Qiraat readings among the fuqaha when it comes to deriving a hukm (principle), particularly on fiqh ibadah (the laws of worship). As such, this significant study sheds light into the approach used by the fuqaha' when it comes to extracting and deriving laws and principles based on the different Qiraat readings. The objectives of this study are to investigate the extent and role of Qiraat, to analyse and observe the relationship between Qiraat readings of the fuqaha and its relationship to the hukm. This study is based entirely on library research. Overall, the findings show that Qiraat is undoubtedly important; the differences in Qiraat have a major impact in the way that the various Islamic Fiqh were derived from the Qur'anic verses. Nevertheless, the chosen Qiraat readings by Fuqaha, on the other hand, do not play a major role in determining the fiqh within the various sects; instead the wajah Qiraat plays a major role within their respective sects. However, in some circumstances, the chosen Qiraat readings do sometimes become a source which a hukm is decided within their*

*sects, and vice versa. It is hoped that this study becomes a pioneer for other researchers to conduct a more in-depth study on the sciences of Qiraat by exploring it critically within the various perspectives of the Islamic discipline. It is hoped that it can be analysed, studied, understood and implemented in the field of teaching and learning, in line with its importance within the other branches of Islamic discipline. It is hoped that as a study, it can be further expanded and remain significant to the Islamic scholars and the community at large.*

*Keyword: Qiraat Mutawatirah, Fiqh, Qiraat, fuqaha'.*

### **Abstrak**

Penulisan ini bertujuan merungkai hubungan rapat Qiraat dalam disiplin ilmu Islam terutamanya ilmu Fiqh. Qiraat menjadi salah satu faktor yang dominan terutamanya dalam mencorakkan perbezaan hukum Fiqh Islami dalam kalangan Fuqaha'. Namun masih terdapat kalangan yang kurang mengetahui dan memahami hakikat kewujudan ilmu Qiraat sehingga menimbulkan kekeliruan dan kesamaran mengenainya bahkan wujudnya pendapat menyatakan bahawa hukum fiqh yang diinstibatkan dalam mazhab adalah berdasarkan daripada Qiraat yang dibaca oleh kalangan fuqaha itu sendiri. Justeru kajian ini akan menyentuh dan membincangkan perbezaan wajah qiraat yang terdapat pada farsh huruf dalam kalangan ulama Qiraat. Dalam masa yang sama, kajian ini juga akan menyingkap dan menganalisis perkaitan dan pengaruhnya terhadap pengeluaran hukum oleh kalangan Fuqaha' terutama ayat-ayat al-Quran yang melibatkan fiqh ibadat. Kajian ini penting demi memahami keadaan sebenar bagaimana kalangan Fuqaha' mengeluarkan hukum fiqh berdasarkan perbezaan Qiraat. Objektif kajian ialah mengkaji sejauhmana perkaitan dan peranan Qiraat pada hukum fiqh, menganalisis dan menilai sejauh mana pertalian bacaan Qiraat yang dibaca Fuqaha' dengan hukum yang diinstibatkan oleh Fuqaha'. Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan berdasarkan kajian ke perpustakaan sepenuhnya. Ternyata dapatan hasil kajian ini merumuskan bahawa perbezaan Qiraat pula memberi impak yang besar dalam mencorakkan hukum fiqh dalam ayat al-Quran. Bacaan 'Qiraat PilihanFuqaha' pula tidaklah menjadi faktor utama mempengaruhi hukum fiqh mazhab yang diasaskan oleh mereka bahkan fuqaha hanya menjadikan wajah Qiraat itu sebagai platform utama dalam menentukan hukum fiqh dalam mazhab yang diasaskan mereka. Namun tidak dinafikan juga, bacaan 'Qiraat Pilihan Fuqaha' itu kekadang menjadi sebab penentuan hukum bagi mazhab mereka dan kekadanganya sebaliknya. Kajian ini diharap menjadi perintis kepada pengkaji yang lain untuk lebih prolifik mengenai ilmu Qiraat dalam membahaskannya dari pelbagai sudut disiplin ilmu Islam secara lebih kritis supaya ia dapat ditelaah, dikaji, difahami, diperkasai dan diimplimentasikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kepentingannya terhadap cabang ilmu-ilmu Islam yang lain agar terus berkembang dan bertapak pada kaca mata Ilmuan Islam secara khusus dan masyarakat sejagat secara umumnya.

Kata Kunci: Qiraat Mutawatirah, Fiqh, Qiraat, fuqaha'.

**Cite as:** Mohd A'tarahim Mohd Razali, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Nor Hafizi Yusof, Siti Fatimah Salleh, Mohd Faiz Hakimi Mat Deris, Normadiyah Daud, Abdillah Hisham Abd Wahab, Daud Ismail. 2017. Khilaf Qiraat Mutawatirah: Satu Analisa Pada Ayat Haid Dari Aspek Peranan, Perkaitan Dan Pertalian Pada Hukum Fiqh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 14(1): 67-81.

## PENGENALAN

Quran merupakan pedoman umat Islam yang mengandungi seribu petunjuk dan tontonan komprehensif yang dapat mengatur kehidupan manusiawi di dunia dan akhirat. Ia merupakan kitab yang unik di mana redaksi, susunan maupun kandungan maknanya berasal dari wahyu ilahi yang terpelihara dan terjamin sepanjang zaman. Pertalian hubungan antara al-Quran, Ahruf Sab'ah dan Qiraat kelihatan begitu utuh hingga memperlihatkan peri pentingnya dalam disiplin ilmu Islam yang lain. Dari aspek kolerasinya dengan cabangan ilmu Islam yang lain, Qiraat dilihat saling berkaitan antara satu sama . Ini termasuklah keberkaitannya dengan ilmu tafsir, lughah dan fiqh.

Sekiranya diteliti dan ditelaah dalam kitab-kitab tafsir yang sebahagiannya menjurus dalam perbahasan fiqh seperti kitab al-Jami' Li Ahkam al-Quran karangan Imam al-Qurthubi, Ahkam al- Quran karangan Ibnu al-'Arabi, Ahkam al-Quran karangan al-Jassas, Zaad al-Muyassir karangan Imam al-Jauzi, Ruuh al-Ma`ani Imam al-Alusi, Tafsir Baidhawi karangan Imam al-Baidhawi, Tafsir al Razi karangan Imam al-Fakhr ar-Razi dan lain-lain lagi, kebanyakan karya-karya unggul ini, mereka menerapkan huraian cara bacaan Qiraat bagi menghuraikan teks-teks al-Quran 'Fiqhiyyah' kemudian menukulkan pendapat-pendapat para fuqaha' selari dan menepati dengan khilaf atau cara bacaan qiraat yang ada. Ini secara tidak langsung telah memperlihatkan kepada kita bahawa bidang ilmu tafsir turut menjalinkan hubungan yang harmonis dengan ilmu qiraat dalam menghuraikan setiap permasalahan terutama hukum-hukum syariah yang berkaitan dalam bidang Fiqh.

Penggunaan lafaz Qiraat dilihat satu mekanisma penting dalam disiplin ilmu syariah yang amat luas di mana ia juga dimanfaatkan oleh kalangan Fuqaha untuk mendapatkan hukum berdasarkan lafaz-lafaz Qiraat yang wujud. Peri penting ini bukan hanya terjurus kepada golongan *mufasssirun* sahaja malah fuqaha, *muhadthisun*, *nahwiyyun* dan sebagainya. Lipatan sejarah merakamkan bahawa para Fuqaha merujuk bacaan para Qurra sebelum mengeluarkan sesuatu hukum dalam ayat al-Quran. Pelbagai pujian dan pengiktirafan yang diberikan oleh kalangan Fuqaha mazhab empat terhadap sebahagian kalangan Qurra berkenaan.

Perihal ini dibuktikan dengan pengakuan Imam Abu Hanifah terhadap Imam Hamzah (tokoh Qurra): "Dua perkara yang tidak dapat aku tandingi engkau iaitu ilmu al-Quran dan Fara'id." Imam Malik r.a telah ditanya mengenai membaca basmalah secara jahar (kuat iaitu dapat didengari) dalam solat. Beliau berkata: "Tanyalah Imam Nafi" kerana setiap ilmu itu seharusnya ditanya kepada ahlinya bahkan Imam Nafi' rujukan orang dalam Qiraat." Imam Ahmad bin Hanbal r.a pernah menyatakan bahawa Qiraat Abu Amru merupakan Qiraat yang paling disukai oleh beliau manakala Imam Shafie pula memilih Qiraat Ibnu Kathir sebagai bacaannya.(al-Qadhi: 5).

Qiraat adalah satu ilmu yang sangat penting dan mempunyai peranannya yang tersendiri. Antara kepentingan dan peranannya ialah memudahkan Fuqaha' yang muktabar untuk mengeluarkan hukum fiqh berdasarkan qiraat yang diriwayatkan oleh kalangan Qurra' yang masyhur. Qiraat menjadi dasar penting dalam bidang ilmu fiqh kerana untuk mengetahui atau menentukan sesuatu hukum dan menginstinbatkan sesuatu hukum, seseorang fuqaha' itu tidak dapat tidak mestilah mengetahui dan mempelajari ilmu Qiraat malah perlu menguasai sebaiknya. Bahkan peranancara bacaan Qiraat ini juga disentuh di dalam sebahagian kitab-kitab

fiqh dan usul fiqh. Antaranya ialah *Mafatih al-Usul*, *Syarh al-Fiqh al-Akhbar*, *Hasyiah al-Bujairimi ala- al-Khatib* dalam fiqh shafie dan seumpamanya.

Jalanan mempelajari ilmu Qiraat di dalam ilmu syariah begitu penting kerana melihat kepada penggunaan nas-nas syara' di dalam al-Qur'an terhadap hukum yang bersifat umum (kulli) yang diutamakan itu berkemungkinan nas-nas tersebut bersedia untuk menerima pelbagai pemahaman hasil kepelbagaian Qiraat berkenaan. Pengkaji menyakini penggunaan nas-nas ini mungkin juga boleh menjadi faktor keberangkalan peluasan sesuatu hukum dan menjadi lambang bukti kehebatan yang terdapat dalam syariat Islam itu sendiri.

Secara umumnya, ilmu Qiraat adalah cabang daripada ilmu al-Quran manakala ilmu Fiqh adalah cabang daripada ilmu syariah. Kedua-duanya merupakan dua cabang ilmu yang saling berkait-rapat antara satu sama lain. Hal ini kerana Qiraat itu sendiri memainkan peranan yang penting dalam menentukan cara pengeluaran hukum al-Quran kalangan fuqaha' itu sendiri. Kepelbagaian *wajh al-qiraat* secara tidak langsung dapat memperluaskan pemahaman maksud ayat al-Quran dan memberi kesan cara bagaimana pengeluaran hukum dilakukan berdasarkan ijtihad kalangan fuqaha' yang mutqin. Dan hasilnya pula akan menjadi satu rahmat dan kemudahan kepada ummat Islam untuk beramal dengannya. Kekadangnya keberadaan ini kurang diketahui dan dimaklumi oleh kalangan ilmuan Islam. Ketidak-tahuan ini menimbulkan tanda tanya di benak fikiran individu memandangkan ia seolah dilihat satu bentuk indikator baru yang mencorakkan pada hukum fiqh walhal fakta ini sebenarnya telah termaktub sekian lama dalam disiplin ilmu al-Quran.

Ironinya, hubungan yang begitu signifikan ini dari sisi pandang yang lain turut dilihat memainkan peranan khusus dalam pengeluaran hukum fiqh yang diasaskan dalam sesuatu mazhab fiqh. Pandangan mengatakan bahawa bacaan pilihan qiraat seseorang Fuqaha itu dilihat menjadi satu sandaran utama dalam pengeluaran sesetengah hukum fiqh dalam mazhab berkenaan (Muiz: 23), dilihat membawa kesamaran terhadap peranan dan perkaitan Qiraat yang sebenar. Dalam erti kata yang lain, Imam Abu Hanifah telah mengambil aliran bacaan Qiraat Imam Asim sebagai bacaan (Misy'al: 35) beliau lantas sekaligus menjadi bacaan ini sebagai jalan penggubalan hukum bagi mazhabnya. (Muiz: 24) Begitu juga Imam Shafie yang menggunakan bacaan Qiraat Ibnu Kathir (al-Qaradawi: 45) dan beliau telah menjadikan bacaan ini sebagai sumber dalam penggubalan hukum bagi mazhabnya. (Muiz: 32) Lantaran itu, bagaimana pula bagi kalangan fuqaha seperti Imam Malik yang mengambil bacaan Qiraat Nafi, Imam Ahmad bin Hanbal yang memilih bacaan Qiraat Abu Amru. Ini secara tidak langsung boleh mengundang dan menimbulkan persoalan tentang hukum fiqh yang diasaskan oleh kalangan Fuqaha, samada hukum yang diinstibatkan itu selari dengan bacaan yang dipilih oleh mereka ataupun sebaliknya. Keadaan ini memerlukan penghuraian sewajarnya agar disiplin ilmu ini dapat difahami dari aspek peranan perkaitannya pada hukum fiqh dalam konteks yang sebenar.

Pengkaji akan membuat satu penilaian untuk dibandingkan dengan menjadikan teks al-Quran berkenaan sebagai sample di mana aspek penilaian secara tidak langsung mempunyai perkaitan dalam pengeluaran hukum-hukum yang menjurus pada perbahasan *fiqh islami* dalam kalangan fuqaha'. Penghuraian ini adalah berdasarkan khilaf yang terdapat dalam *farsh al-Huruf* ayat-ayat fiqh yang terdapat dalam al-Quran. Antara analisa yang bakal diutarakan dalam penulisan ini iaitu mengenai fungsi ilmu *qiraat*, kehujahan, perkaitan dan peranan Qiraat dalam mencorakkan hukum *fiqh islami* mazhab fiqh terutamanya mazhab empat. Turut dibahaskan,

sejauh mana perkaitan bacaan Qiraat kalangan fuqaha' mempengaruhi hukum fiqh dalam mazhab yang diasaskan kalangan mereka.

Antara contoh yang dapat dilihat dan dikongsikan, pengkaji membawakan salah satu contoh ayat fiqh berkaitan perbezaan Qiraat yang membawa perbincangan kalangan ulama fiqh dalam mengeluarkan hukum fiqh iaitu mengenai permasalahan haid yang terdapat dalam surah al- Baqarah, juz ke 2, ayat 222:

## PERMASALAHAN HAID

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

*Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*

## BENTUK BACAAN DAN PENYANDARAN PADA PERAWINYA

*Farsh huruf* dalam ayat ini adalah pada kalimah ialah ( يطهرن ) (Kurayyim:35):

- i. Nafi', Ibnu Kathir, Abu Amru, Ibnu Amir, Hafsh daripada Asim, Abu Jaafar dan Yaaqub: dibaca takhfif (يَطْهُرْنَ).
- ii. Hamzah, al-Kisa'i, Khalaf al-Ashir dan Syu'bah daripada Asim: dibaca musaqqal (يَطْهَرْنَ)

## TAWJIH QIRAAT AYAT-AYAT FIQH DARI LUGHAH

Dalam ayat berkenaan sememangnya terdapat perbezaan Qiraat dalam kalimah yang telah dinyatakan di atas. Melalui perbezaan ini telah menghasilkan khilaf di kalangan ulama fiqh dalam perbincangan hukum bersetubuh sebelum mandi wajib bagi perempuan yang telah berakhir tempoh haidnya samada dibenarkan bersama suaminya ataupun sebaliknya. Walaupun kedua-dua bacaan ini sebenarnya memberi maksud tidak menyetubuhi isteri yang berhaid sehingga dalam keadaan yang bersih namun sekiranya diteliti dengan baik sememangnya terdapat dua hukum fiqh yang menarik untuk dikupas secara ilmiah berdasarkan bagaimana Qiraat itu mencorakkan hukum Fiqh berkenaan. Dan melaluinya juga, kita dapat melihat hujah-hujah yang begitu konkrit dan ilmiah kalangan fuqaha<sup>2</sup> dalam membenarkan ijthad masing-masing tanpa menimbulkan kesamaran dan perpecahan kalangan masyarakat Islam.

Bacaan pertama (يَطْهَرُونَ) tanpa tashdid pada huruf ط dan ه membawa maksud sekadar terhenti darah haid sepenuhnya sahaja. (Abu Zakaria: 143) Dalam erti kata yang lain, lafaz ini membawa maksud Allah melarang mendekati isteri ataupun menyetubuhi isteri yang berhaid sehingga si isteri bersih daripada haid sepenuhnya di mana berakhirnya darah haid seseorang isteri merupakan sebagai kemuncak larangan daripada menyetubuhinya (keizinan menyetubuhi isteri dengan berakhirnya haid tanpa mandi hadas. (al-Tabari:385, al-Jassas:228, al-Qurtubi:58). Abu Zar'ah juga menyatakan lafaz takhfif kemuncak larangan ini sekadar berakhir keluarnya darah haid sahaja dan bukanlah sampai mengangkat hadas besar terlebih dahulu (Zanjalah : 134) Lantaran itu, terdapat kalangan fuqaha<sup>2</sup> berpegang dengan kekuatan lafaz berkenaan dalam menerbitkan hukum fiqh.

Manakala bacaan kedua (يَطْهَرُونَ) bertashdid pada huruf ط dan ه pula membawa maksud menggunakan air dengan membasuh tempat darah yang keluar (faraj) sahaja ataupun berwuduk ataupun mandi hadas. Dan sekiranya seseorang isteri telah melakukan salah satu daripadanya maka suami boleh menyetubuhi si isteri tersebut (Abu Jaafar:183). Menurut Abi Zar'ah, maksud lafaz ini adalah kemuncak larangan mendatangi isteri berhaid ialah mengangkat hadas besar (mandi wajib) selepas berakhirnya darah haid. Juga mengambil kira lafaz ini pada wazan (تفعلن) kata kerja yang mesti disusuli dengan perbuatan. Dan perbuatan di sini yang dimaksudkan ialah dengan mengangkat hadas besar (mandi wajib). Bahkan berhentinya haid itu sama sekali tidak dikira sebagai satu perbuatan dan kalimah yang bertashdid adalah penambahan binaan kalimah yang membawa kepada penambahan makna (Zanjalah:134). Dalam erti kata yang lain, lafaz ini membawa maksud Allah s.w.t melarang suami menyetubuhi isterinya sehingga mereka menyucikan dirinya dengan melalui cara membersihkan tempat keluar darah haid tersebut, berwuduk ataupun mandi hadas besar. Sekiranya isteri telah melakukan salah satu daripada kaedah tersebut maka bolehlah suami menyetubuhi isteri berkenaan. (al-Tabari:387). Ini disandarkan lagi dengan ayat yang disusuli selepas lafaz berkenaan iaitu (فَإِذَا تَطَهَّرْنَ) pada ayat فَإِذَا تَطَهَّرْنَ di mana mojariti kalangan Qurra' membacanya dengan tashdid (az-Zamakhshari:134, al-Razi: 72, al-Baidhawi:48). Jelas lafaz ini menunjukkan bacaan tashdid ini tidak dapat tidak adalah menafikan persoalan yang timbul di mana tidak harus mendatangi seseorang perempuan haid (isteri) yang telah berakhir haid selagi mana tidak mengangkat hadas besar (mandi junub).

## TUJAHAN QIRAAT , PERKAITAN DAN PERANAN BERDASARKAN PANDANGAN FUQAHA' EMPAT

Daripada kekhilafan kedua-dua qiraat ini secara tidak langsung mempengaruhi pendekatan instibat hukumfiqh. Perolehan Qiraatpertama yang dibaca tanpa bersabdu pada kalimah Berkenaan (يَطْهُرْنَ) membawa maksud sekadar bersih daripada haid sahaja. Imam Abu Hanifah telah menggunakan lafaz Qiraat ini sebagai pegangan pengintibatan hukum dalam mazhabnya dengan menyatakan boleh bersetubuh dengan isteri walaupun belum mandi wajib. Ijtihad beliau dalam permasalahan ini, tidak mensyaratkan mandi wajib terlebih dahulu sebelum bersetubuh tetapi hanya perlu memastikan bahawa haid tersebut betul-betul telah berhenti seadanya (mengikut kebiasaan haid berhenti iaitu 10 hari) (al-Nawawi: 397-398) Mazhab Hanafi telah menambah bahawa seseorang isteri sama sekali tidak boleh disetubuhi sehingga sempurna tempoh kebiasaan berakhirnya haid. Sekiranya haid berhenti sebelum sempurna tempoh kebiasaan haid maka tidak halal menyetubuhinya (Ibid.) Mazhab ini mengaitkan bahawa seorang isteri boleh disetubuhi dengan dua perkara; 1) sekiranya si isteri suci daripada haid mengikut kebiasaan haid berhenti. Kebiasaan tempoh haid berhenti mengikut bilangan hari yang banyak di sisi Imam Hanafi iaitu 10 hari. 2) Sekiranya berakhir haid sebelum tempoh 10 hari maka si isteri dibenarkan disetubuhi oleh suaminya sehingga si isteri tersebut mandi wajib atau dapat menunaikan solat. Sewajar juga memastikan bahawa tiada lagi darah haid (al-Qawi: 336).

Dalam mazhab Hanafi tempoh kebiasaan haid tidak melebihi sepuluh hari berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abi Umamah:

أقل الحيض ثلاثة أيام, أكثره عشرة

(Tabrani:407)

*Terjemahan: Tempoh haid paling sedikit adalah tiga hari, sebanyak- banyaknya adalah sepuluh hari (tempoh sempurna).*

Walaubagaimanapun, mazhab Hanafi menetapkan bahawa mandi wajib sebagai satu tuntutan sahaja sebelum menyetubuhi isteri bagi mengelak daripada berlaku kekhilafan fiqh yang timbul berlandaskan kedua Qiraat ini tanpa menyalahi pendapat mazhab yang lain. Berkaitan dengan kedua-dua Qiraat ini, mazhab Hanafi sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Jassas mempunyai kaedah dalam mengamalkan pemahaman berdasarkan dua lafaz in. Dalam erti kata yang lain bahawa lafaz takhfif (يَطْهُرْنَ) sebenarnya telah membawa maksud yang sempurna menepati pemahaman mazhabnya. Manakala lafaz ( حتى ) sebenarnya berfungsi sebagai penggubah hukum sebelumnya. Dengan maksud larangan bersetubuh itu secara tidak langsung telah ternafi dengan adanya kalimah ( حتى ) yang membawa maksud sehingga berakhir tempoh haid (al- Jassas: 336-337). Beliau tidak memilih bacaan tashdid dalam permasalahan ini sebagai penentu hukum kerana beranggapan ianya akan memberi pemahaman bertentangan dengan apa yang terdapat pada lafaz takhfif. Namun begitu, al-Jassas tidak menafikan keberadaan lafaz tashdid bahkan beliau telah meletakkan lafaz ini berada dalam kedudukan mengukuhkan lafaz takhfif iaitu tahap keyakinan bahawa benar-benar bersih daripada haid ( melalui tempoh paling lama haid iaitu 10 hari ) (Ibid.). Pengkaji melihat mazhab Hanafi

menggunakan lafaz tashdid menyamai maksud dengan lafaz takhfif dalam erti kata yang lebih mendalam.

Berdasarkan Qiraat kedua pula, bacaan bertashdid (يَطْهَرُونَ) pada huruf ط dan ه pula yang memberi makna ‘benar-benar suci’ itu dikira selepas mandi wajib. Melalui bacaan ini, mazhab Maliki, Shafie dan Hambali telah mengeluarkan haram menyetubuhi isteri haid sehingga berakhir haid tersebut dan telah mengangkat hadas besar. Ketiga-tiga mazhab ini berdalilkan dengan lafaz kedua (*musaqqal*) iaitu (يَطْهَرُونَ) yang terdapat pada ayat (ولا تقربن حتى ) (يطهرن). Perkataan yang bergaris itu membawa maksud mandi wajib. Ayat selepas lafaz ini iaitu (فَإِذَا تَطَهَّرْنَ) pula membawa apabila mereka telah mandi wajib maka datangilah (menyetubuhi) isteri mengikut apa yang telah Allah perintahkan (al-Qawi: 213). Namun begitu, para fuqaha seperti Imam Malik, Syafie dan Hambali menyatakan bahawa bacaan dengan lafaz *mukhaffaf* sebenarnya tidak membatalkan larangan tersebut sehingga mandi wajib (menyamai bacaan *muthaqqal*). Ini kerana Allah swt telah meletakkan dua syarat dalam permasalahan ini iaitu berakhir haid dan mandi wajib. Ini jelas berdasarkan pada kedua-dua kalimah berkenaan (يَطْهَرُونَ dan (حَتَّى يَطْهَرْنَ): (فَإِذَا تَطَهَّرْنَ) – Bacaan *mukhaffaf* ini membawa makna sehingga berhenti darah haid; ii. (فَإِذَا تَطَهَّرْنَ) – Ayat ini pula membawa makna (apabila isteri telah mandi wajib). Manakala kalimah (فَأْتُوهُنَّ) membawa maksud keizinan menyetubuhi isteri berakhir dengan mandi wajib (al-Zuhaili: 473).

Lantaran kemuncak tegahan itu tidak dapat tidak membawa kepada mandi wajib. Jelasnya pengkaji melihat, ketiga-tiga mazhab ini sememangnya meraikan lafaz pertama يَطْهَرُونَ. Walaupun mereka mengeluarkan hukum fiqh berdasarkan lafaz kedua iaitu يَطْهَرُونَ. Mereka begitu meraikan lafaz Qiraat demi menjaga kemaslahatan daripada timbul kekeliruan yang bakal terjadi dalam masa yang sama demi mendokong hukum fiqh yang dikeluarkan tersebut.

## PERANAN PERKAITAN KHILAF QIRAAT PADA HUKUM FIQH DALAM KALANGAN FUQAHA MAZHAB EMPAT

Pengkaji cuba memperlihatkan pada mata umum bahawa keberkaitan lafaz- lafaz *qiraat* ataupun sesuatu ‘*wajh qiraat*’ ini secara tidak langsung sememangnya mempunyai pertalian yang utuh dengan disiplin ilmu fiqh. Dari aspek yang lain pula, pengkaji cuba menyatakan di sini bahawa para fuqaha merujuk nas-nas Qiraat yang berbeza dalam mengeluarkan hukum fiqh. Mereka tidak menjadikan bacaan Qiraat yang diamalkan oleh mereka sebagai sandaran dalam mengeluarkan hukum fiqh yang dibina dalam mazhab mereka. Ini terbukti dengan penelitian dan pengamatan yang dibuat terhadap beberapa nas-nas Qiraat yang berkaitan Fiqh. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang dibincangkan, pengkaji mengklafikasikan kesemuanya kepada dua bahagian. Pertama; Bahagian yang mempunyai peranan yang spesifik pada perbezaan hukum fiqh kalangan fuqaha’ yang memberi implikasi daripada perbezaan Qiraat yang wujud. Kedua; Bahagian yang hanya mempunyai peranan lebih kepada huraian, penjelasan dan peluasan makna pada ayat-ayat fiqh. Rentetan ini secara tidak langsung telah memberi gambaran pada umum tentang peranan dan keberkaitan Qiraat pada hukum fiqh. Walau bagaimanapun, kupasan mengenai bahagian kedua tidak akan disertakan dalam penulisan ini.

Namun, peranan dan aset initetap terserlah kekuatannya antara satu sama lain sekiranya kita meninjau perbincangan ayat-ayat yang telah di kemukakan baik dari sudut bahasa,



penafsiran dan perbezaan pandangan para fuqaha itu sendiri. Jalinan pelbagai aspek disiplin ilmu seperti qiraat, lughah dan fiqh itu sendiri menyaksikan penghujahan terhadap ‘*Wajh Qiraat*’ memberi penjelasan kepada umum betapa kecaknaan, perhatian dan perbincangan para ulama’ ini dalam memahami dan mengamati nas-nas al-Quran dibuat dengan penuh ketelitian. Bahkan, semua bentuk-bentuk ini diterima pakai malah ia tidak terkeluar daripada landasan bahasa Arab yang sebenar. Melalui penafsirannya pula, ia berperanan kuat menolong untuk memahami dan mendalami penafsiran al- Quran dengan lebih menarik. Hasil natijah pengeluaran hukum diijtihadkan penuh dengan alasan yang rasional dan murni demi kemaslahatan ummah tanpa melewati dan melampaui batasan jajarannya.

**PERTALIAN BACAAN PILIHANQIRAAT YANG DIAMALKAN FUQAHA <sup>1</sup> DENGAN HUKUM FIQH YANG DIJTIHADKAN.**

Sememangnya tidak dinafikan bahawa Qiraat memainkan peranan yang penting dalam menentukan cara pengeluaran hukum al-Quran kalangan fuqaha’ itu sendiri. Kepelbagaian *wajh al- qiraat* secara tidak langsung dapat memperluas pemahaman maksud ayat al-Quran dan memberi kesan cara bagaimana pengeluaran hukum dilakukan berdasarkan ijtihad kalangan fuqaha” yang mutqin. Akan tetapi menyandarkan bacaan Qiraat yang diamalkan oleh fuqaha dengan hukum fiqh yang dikeluarkan dalam mazhab mereka dikhuatiri mengundang bibit pemahaman yang keliru. Sekiranya bacaan Qiraat yang menjadi pilihan kalangan fuqaha ini menjadi sumber hukum fiqh dalam mazhab yang dibina oleh mereka secara tidak langsung boleh mengundang dan menimbulkan persoalan tentang hukum fiqh yang diasaskan oleh kalangan fuqaha; samada hukum yang diinstibatkan itu selari dengan bacaan yang dibaca oleh mereka ataupun sebaliknya. Dalam erti kata yang lain, adakah bacaan qiraat bagi seseorang fuqaha itu dilihat menjadi satu sandaran utama sebahagian hukum fiqh dalam mazhab berkenaan. Keadaan ini memerlukan penghuraian sewajarnya agar disiplin ilmu ini dapat disingkap dan difahami dari aspek peranannya dalam erti kata yang sebenar.

Jadual 1.2: Perkaitan Bacaan Qiraat Yang Diamalkan Fuqaha Pada Hukum Fiqh

a) Permasalahan Fiqh	b) Khilaf Bentuk Bacaan Dan Qurra	d) Perkaitan Dan Peranan Qiraat Dengan Fiqh	e) Keselarian Bacaan Fuqaha Dengan Hukum Fiqh Ataupun Sebaliknya
----------------------	-----------------------------------	---	--

<sup>1</sup> Pengamalan bacaan Qiraat kalangan Fuqaha yang dimaksudkan oleh pengkaji iaitu: Imam Hanafi mengamalkan bacaan Qiraat Asim, Imam Maliki mengamalkan bacaan Qiraat Nafi dan Ibnu Amir, Imam Syafie mengamalkan bacaan Qiraat Ibnu Kathir dan Imam Ahmad bin Hambal memilih bacaan Qiraat Abu Amr sebagai pilihan beliau.

1.Haid	( يطهرن ) <b>Takhfif:</b> Nafi, Ibnu Kathir, Hafs, Abu Amru, Ibnu Amir, Abu Jaafar, Yaaqub, Khalaf al-Ashir  <b>Tashdid:</b> Syu'bah, amzah, al-Kisa'i	<b>Takhfif:</b> Sekadar berakhir kadar haid mengikut tempoh paling lama tanpa mandi hadas besar  <b>Tashdid:</b> Mandi Hadas Besar	Qiraat Nafi, Ibnu Kathir, Hafs, Abu Amru, Ibnu Amir, Abu Jaafar, Yaaqub, Khalaf al-Ashir: Hanafi – Tidak perlu mandi wajib  Qiraat Syu'bah, Hamzah, al-Kisa'i: Maliki, Syafie, Hambali – wajib mandi hadas besar  Sekiranya dinisbahkan pada bacaan Qiraat oleh kalangan Fuqaha':  **Imam Ahmad → Abu Amru = Tidak perlu mandi wajib = ( x ) **Imam Shafie → Ibnu Kathir = Tidak perlu mandi wajib = ( x ) **Imam Hanafi → Asim (mewakili dua bacaan yang berbeza) = Tidak perlu mandi wajib/ wajib mandi hadas besar = ( x ) **Imam Malik → Nafi = Tidak perlu mandi wajib ( x )
--------	---	--	--

\*\*Nama Qurra yang dicondongkan merupakan kalangan Qurra menjadi tumpuan dalam perbincangan.

Melihat daripada perkaitan itu, pengkaji cuba meninjau sejauh mana perkaitan yang dimaksudkan sedemikian samada bacaan Qiraat yang diamalkan fuqaha selari dengan hukum fiqh dalam mazhab mereka ataupun sebaliknya. Berdasarkan jadual dan contoh ayat al-Quran yang disertakan di atas, pengkaji merumuskan mengikut urutan fuqaha. Sekiranya disandarkan bacaan Qiraat Imam Hanafi (Qiraat Asim) dengan hukum fiqh pada mazhabnya dalam konteks permasalahan fiqh yang dibangkitkan, permasalahan fiqh kedua (haid) dilihat hanya menepati dan selari dengan salah satu cara bacaan bacaan Qiraat Imam Asim.

Mazhab Maliki pula jika diamati, sekiranya disandarkan bacaan Qiraat Imam Malik (Qiraat Nafi) dengan hukum fiqh pada mazhabnya dalam konteks permasalahan fiqh yang dibangkitkan, ternyata kedua-duanya (amalan bacaan Qiraat (*Nafi*) dan hukum Fiqh) dilihat tidak menepati dan tidak selari pada permasalahan haid. Bagi mazhab Imam Syafie, sekiranya disandarkan bacaan Qiraat Imam Syafie (Qiraat Ibnu Kathir) pula dengan hukum fiqh pada mazhabnya dalam konteks permasalahan fiqh yang dibangkitkan, ternyata kedua-duanya (amalan bacaan Qiraat (*Ibnu Kathir*) dan hukum Fiqh) dilihat jelasnya tidak menepati dan tidak selari dari aspek berkenaan. Mazhab Ahmad pula, jika disandarkan pada bacaan Qiraat pilihan beliau (Qiraat Abu Amr) dengan hukum fiqh dalam mazhabnya dalam konteks permasalahan fiqh yang dibangkitkan, ternyata kedua-duanya (pilihan bacaan Qiraat Abu Amr


dan hukum Fiqh) menyaksikan ianya tidak selari dengan bacaan Qiraat berkenaan. Jelasnya, pertalian bacaan Qiraat amalan yang disandarkan kepada setiap Fuqaha' dengan hukum fiqh dalam permasalahan ini adalah analogi yang tidak berapa tepat. Justeru, hal keadaan ini memberi satu rumusan<sup>2</sup> bagi pengkaji untuk mengutarakan beberapa komentar dan penilaian sebagaimana berikut:

- iii. Khilaf Qiraat yang wujud sebenarnya menjadi '*guide line*' kepada kalangan fuqaha' dalam menentukan sesetengah hukum fiqh pada sesetengah permasalahan fiqh yang mempunyai perkaitan dengan Qiraat.
- iv. Khilaf dalam Qiraat tidak mewakili perbezaan bacaan bagi setiap Qurra bahkan khilaf mereka berligar pada aspek perbezaan dan persamaan pada kalimah tertentu (*Farsh al-Huruf*) dalam kalangan mereka. Kekadang ia melibatkan beberapa khilaf dan kadang hanya melibatkan dua khilaf dalam satu kalimah *fiqhiyyah* pada ayat al- Quran. Kebanyakan khilaf hukum fiqh dalam mazhab masing-masing pula hasil terbitan daripada perbezaan Qiraat dan bukanlah dipengaruhi dengan bacaan Qiraat yang diamalkan oleh kalangan fuqaha'.
- v. Bacaan Qiraat kalangan fuqaha' bukanlah faktor dominan dalam mencorakkan hukum fiqh dalam mazhab para fuqaha'. Ini kerana mereka merujuk kesemua lafaz khilaf Qiraat *fiqhiyyah* yang ada sebelum mengeluarkan hukum fiqh pada sesetengah permasalahan fiqh yang berkenaan dan mereka tidak menjadikan bacaan Qiraat mereka sebagai sandaran dalam mengeluarkan hukum dalam mazhab mereka.
- vi. Khilaf Qiraat sebenarnya kekadang mewakili dua bacaan pada satu-satu farsh huruf daripada dua orang perawi yang meriwayatkan daripada seorang imam. Bagaimana mungkin terjadi hukum dinisbahkan dengan imam yang meriwayatkan bacaan dua bacaan pada satu hukum sedangkan terdapat bacaan yang lain menyatakan hukum yang berbeza daripada bacaan pertama. Lantaran, ini menunjukkan bahawa merujuk hukum fiqh kepada bacaan imam adalah suatu yang tidak berapa tepat kerana fuqaha' sebenarnya merujuk kepada bacaan Qiraat yang ada bukanlah bacaan yang dibaca oleh mereka.
- vii. Dalam aspek yang lain pula, pengkaji melihat cara penelahan kalangan fuqaha' begitu jelas sekali tidak menjadikan bacaan 'Pilihan Qiraat' mereka sebagai penetap hukum pada mazhab mereka samada Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad. Pengamatan mengenainya telah dibahaskan sebelum ini. Lantaran hukum fiqh yang diijtihadkan pada mazhab masing-masing adalah berdasarkan kepelbagaian cara bacaan Qiraat yang ada dan bukanlah sebaliknya.
- viii. Menukilkan kata-kata Imam al-Jazari mengenai khilaf Qiraat dan khilaf fiqh bahawa kedua-duanya merupakan suatu yang berbeza keadaannya. Beliau menyatakan khilaf kalangan Qurra '*Sab'ah*' mahupun '*Asharah*' merupakan


<sup>2</sup> Sebenarnya rumusan ini merupakan hasil kajian dalam pengajian yang dibuat oleh penulis terhadap beberapa contoh ayat fiqh yang mempunyai permasalahan seumpama ini. Namun dalam artikel ini, penulis hanya mampu memuatkan satu contoh sahaja sebagai gambaran awal terhadap permasalahan berkenaan

khilaf yang kesemuanya suatu yang haq dan benar bahkan ia adalah kalamullah yang diturunkan daripada Allah s.w.t. malah tiada tiada keraguan padanya. Manakala khilaf Fuqaha' pula merupakan khilaf ijthadi iaitu ijthad ulama dalam menentukan apa yang benar di sisi Allah SWT. Setiap mazhab berbanding dengan mazhab yang lain berkemungkinan adalah benar dan berkemungkinan adalah salah dalam menentukan apa yang dikehendaki oleh syarak. Setiap Qiraat pula berbanding dengan Qiraat yang lain (*Qiraat Mutawatirah*) adalah benar di mana kami beriman dengan seadanya. (al-Jazari: 4) Para fuqaha sama sekali tidak menidakkan keberadaan dan kewaridan lafaz-lafaz Qiraat yang pelbagai sebagai al-Quran namun dalam aspek ijthad mereka berbeza hukum fiqh kerana pemahaman mereka berada pada tingkatan yang berbeza-beza. Dalam erti kata yang lain, khilaf qiraat merupakan ikhtilaf tanawwu<sup>c</sup> (pelbagai) di mana kesemuanya benar dan diterima manakala ikhtilaf fuqaha' merupakan khilaf ijthadi di mana masing-masing akan mempertahankan kebenaran ijthad masing-masing tanpa menafikan keberadaan dan kewaridan lafaz-lafaz Qiraat yang wujud. Sekiranya benar mendapat dua pahala manakala jika salah mendapat satu pahala.

Jelas menunjukkan lafaz–lafaz Qiraat yang wujud telah menjadi platform utama bagaimana kalangan fuqahamengeluarkan hukum fiqh dalam beberapa permasalahan fiqh yang berkaitan. Qiraat amalan Fuqaha bukanlah menjadi syarat utama dalam mengeluarkan hukum fiqh dalam mazhab masing-masing tetapi kepelbagaian Qiraatlah yang mendasari sesetengah hukum Fiqh pada setiap mazhab dalam sesetengah permasalahan cabangan fiqh. Berdasarkan pengamatan pengkaji juga, telaahan yang mengatakan bahawa Qiraat amalan fuqaha menjadi satu sumber utama dalam pengeluaran hukum dalam mazhab fiqh dilihat suatu perkara yang tidak berapa tepat dalam konteks ini. Jelasnya, pengkaji dapat menyimpulkan pemahaman peranan Qiraat pada hukum fiqh berdasarkan gambarajah berkenaan iaitu:



Gambarajah 1.3: Peranan Qiraat Pada Hukum Fiqh



Gambarajah 1.4: Urutan Perkaitan Antara Qiraat Qurra Dengan Fiqh Fuqaha

Dengan terurainya jawapan terhadap perkara yang berbangkit secara tidak langsung juga menjawab permasalahan persoalan kalangan ilmuan Islam yang masih keliru tentang bacaan Qiraat masyarakat setempat dengan amalan fiqh mereka; adakah menepati antara satu sama lain. Dari aspek ilmiah dan rasional, ianya bukan suatu perkara yang munasabah. Ini kerana masyarakat hanya mengamalkan hukum fiqh yang ditelaah pengeluaran hukumnya oleh kalangan fuqaha dan bukanlah sebaliknya. Para fuqaha pula merujuki sumber nas daripada lafaz Qiraat seadanya dengan didokongi sumber-sumber yang lain seperti hadith dan juga athar-athar yang lain bagi menguatkan hukum fiqh yang diijtihadkan untuk dicernakan dalam mazhab masing-masing. Lantaran jika bacaan para fuqaha tidak menjadi faktor dalam penentuan hukum fiqh dalam mazhab masing-masing samatelah bacaan Qiraat masyarakat lagi tidak mempunyai perkaitan langsung dengan fiqh yang diamalkan. Ini kerana masyarakat hanya mengambil dan mengaplikasikan hukum fiqh daripada hasil murni ijtihad kalangan Fuqaha bagi memudahkan umat manusia berinteraksi dan beramal dengan al-Quran dalam erti kata yang sebenar mengikut apa yang dikehendaki oleh syara’.

## KESIMPULAN

Umum dapat menyaksikan keberkaitan lafaz teks al-Quran dengan lebih jelas ataupun sesuatu wajah qiraat itu sememangnya mempunyai hubungan yang erat dalam disiplin ilmu fiqh. Peranan dan aset ini semakin terserlah kekuatannya antara satu sama lain sekiranya kita mengamati dan menelaah perbincangan teks-teks ayat fiqh al-Quran yang telah dibawakan oleh pengkaji dari aspek bahasa, penafsiran dan perbezaan ijtihadid kalangan fuqaha. Namun di sana terdapat juga teks-teks ayat fiqh al-Quran tidak sampai membawa perbezaan hukum fiqh yang bersifat cabang namun begitu impak perbezaan qiraat itu masih dapat dilihat seadanya. Jalinan pelbagai disiplin ilmu seperti qiraat, lughah dan fiqh itu sendiri memperlihatkan bahawa

penghujahan terhadap wajah qiraat memberi satu penjelasan betapa kecaknaan, perhatian dan perbincangan para ulama dalam memahami dan mentalati teks-teks al-Quran dilakukan dengan penuh ketelitian demi menjaga kesucian al-Quran dan keberadaan Qiraat dalam disiplin ilmu terus terpelihara. Melalui penafsiran yang terhasil daripada perbezaan Qiraat ini jelas dilihat berperanan kuat memberi pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap teks-teks al-Quran. Perbezaan qiraat tidak langsung merosakkan lafaz dan maknanya bahkan ia menyempurnakan percambahan ilmu dan peluasan makna dalam disiplin ilmu lain terutamanya fiqh itu sendiri. Perbezaan yang ada pada fiqh rentetan kesinambungan qiraat itu pula dilihat telah membuka satu cabangan baru dalam perkembangan fiqh ijtihadid kalangan fuqaha. Ia langsung tidak membawa pertembungan yang memudaratkan umat Islam sejagat bahkan terdapat teks berkenaan dilihat membawa pengaplikasian fiqh secara anjal tanpa terkeluar daripada batasan lingkungan disiplin maqasid syariah. Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji mendapati para Fuqaha menjadikan lafaz-lafaz Qiraat itu sebagai asas rujukan dalam mengeluarkan sebahagian hukum fiqh dalam mazhab yang diasaskan oleh mereka. Mereka tidak menjadikan amalan bacaan Qiraat mereka sebagai sandaran bagi mengeluarkan hukum fiqh berkenaan. Manakala amalan masyarakat dalam bermazhab sama sekali tidak mempunyai pertalian signifikan dengan bacaan yang diamalkan oleh masyarakat sebagaimana yang didakwa oleh segelintir ilmuan Islam. Ini kerana masyarakat hanya mengamalkan fiqh yang diambil daripada mazhab yang dirasakan tepat bagi mereka. Kedua-duanya (disiplin ilmu qiraat dan fiqh) dilihat membawa ke arah satu penyatuan dan perpaduan bukanlah perpecahan umat. Usaha ke arah memartabatkan disiplin ilmu qiraat ini dalam dunia akademik sewajarnya diteruskan dari semasa ke semasa demi menjanjikan percambahan ilmu yang amat diperlukan oleh seluruh masyarakat Ilmuan Islam sejagat. Segala input yang cuba dibawakan oleh pengkaji dalam kajian ini mudah- mudahan memberikan satu gambaran sebenar peranan Qiraat mencorakkan nilai ijtihadid dalam kalangan fuqaha“ untuk menilai teks al-Quran. Pendekatan ini diharapkan menjadi sebagai pintu gerbang kepada suatu medan ilmu al-Quran yang sememangnya sangat luas. Malah secara tidak langsung menyerlahkan jalinan dan hubung kait antara ilmu Qiraat dengan bidang ilmu yang lain seperti fiqh serta dapat memudahkan seseorang yang mencintai ilmu al-Quran untuk berinteraksi dengan al-Quran dalam wadah yang sebenar.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim Dan Terjemahan

Abdul Muiz, *Khilaf Perselisihan Pandangan Dalam Agama*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Abd. Manaf bin Haji Ahmad & Mohd. Nasri Ismacil, *Haid Dari Perspektif Perubatan dan Islam*, Watan Sdn.Bhd, 2001

Al-Qadhi, Abdul Fattah, *Tarikh al-Qurra* (al-Qahirah: al-Haiah al-cAmah Li Syu'un al-Matabic al- Amiriyyah

Abu Jaafar, , *Ma'ani al-Qur'an Lin Nuhas*, Pthq: Muhammad Ali Sobuni, Jamiah Ummu al-Qurra', Markaz Ihya' al-Turath, 1410

Abu Zakaria Yahya Zayad, *Ma'ani al-Qur'an Li al-Furra'*, Bayrut: Dar al-Alam al-Kutub

Al-Jassas, Ahmad bin Ali al-Razi, *Tafsir Ahkam al-Qur'an*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi Al-Jazari, *Tayyibah al-Nashr Fi al-Qiraat al-Ashr*

- Ala'uddin Ali bin Husam al-Din, *Kanzul Ummal Fi Sunan al-Aqwal Wa al-Af'al*, P.Thq. Bakri Hayani, Muassasah al-Risalah, Juz 9, 1981, Cet. 5
- Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf, *Majmu' Syarh al-Muhazzab Li Imam al-Syirazi*, P.thq. Muhammad Najib al-Muti'I, Jaddah: Maktabah al-Irshad, t.t
- A.H.Johs & Dj. Prentice, *Kamus Inggeris Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1991
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, *Jami al-Bayan An Ta'wil Ayy al-Qur'an*, t.t : Dar Hijr Litiba'ah wan Nasr
- Al-Qawi, Sabri Abdul Rauf, *Athar al-Qiraat Fi al-Fiqh al-Islami*, Adwa' al-Salaf, Riyadh, 1997/1418
- al-Qaradawi, Yusuf, *Al-Ijtihad Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, (Kuwait: Darul al-Qalam)
- Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qura'an*, (Bayrut: Dar al-Kutub al-cilmiah, 1996, Cet. 5
- Az-Zamakhshari, 1: 134, al-Razi, *Tafsir al-Razi*, Bayrut: Dar al-Fikr
- Az-Zuhayli, Wahbah, *Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1997
- Mahmud Ismail Muhammad Misy'al, *Tesis Athar al-Khilaf al-Fiqhi*, Qahirah, Egypt: Dar al-Salam Muhamad Kurayyim, *Al-Qur'an al-Karim Qiraat al-Asharah al-Mutawatirah*, Madinah al-Munawwarah: Dar al-Muhaji, 1994/1414. Cet. 3
- Muhammad Shah Ramadhan, *Permasalahan Haid, Nifas & Istihadah Berdasarkan Tinjauan Fiqh & Perubatan*, Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn.Bhd, 2002
- Zanjalah, Abdul Rahman bin Muhammad, *Hujjah al-Qiraat*, Bayrut: Muassasah al-Risalah, 2001, Cet.5